



## **LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA (LAND SURVEYORS BOARD)**

RUJUKAN TUAN :

RUJUKAN KAMI : LJT 6 Pt.7/(15)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

NO. 2735 TINGKAT SATU  
JALAN PERMATA EMPAT  
TAMAN PERMATA ULU KELANG  
53300 KUALA LUMPUR  
Tel : 03-41085191  
Fax : 03-41085178

Semua Jurukur Tanah Berlesen

Tuan,

### **PEKELILING LEMBAGA JURUUKUR TANAH BIL. 5/2000**

#### **SUKATAN PEPERIKSAAN LISAN KHAS**

##### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan menetapkan sukatan bagi peperiksaan lisan khas yang merupakan salah satu syarat pilihan bagi pendaftaran sebagai Juruukur Tanah Bertauliah dengan Lembaga Jurukur Tanah (LJT) menurut Pekeliling bil. 1/2000.

##### **2. LATAR BELAKANG**

Pekeliling LJT Bil. 1/2000 mengiktiraf pengalaman kerja pegawai dalam perkhidmatan Juruukur di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) sebagai syarat minimum bagi tujuan pendaftaran sebagai Juruukur Tanah

Bertauliah dengan LJT Syarat baru iaitu peperiksaan lisan khas sebagai alternatif kepada peperiksaan sediaada iaitu Laws and Regulations yang dikendalikan oleh LJT/ISM telah diperkenalkan di dalam Pekeliling ini.

### **3. SUKATAN PEPERIKSAAN**

Bagi tujuan rujukan dan panduan kepada calon yang bakal menduduki peperiksaan lisan khas ini, maka LJT menetapkan sukatan peperiksaan seperti berikut :

- 3.1 Calon diperlukan untuk mempunyai pengetahuan yang menyeluruh dan komprehensif berhubung dengan perundangan tanah, pentadbiran tanah dan juga urusniaga tanah yang berkaitan dengan profesion Ukur Tanah. Subjek-subjek berkenaan merangkumi :
  - i. Kanun Tanah Negara (KTN) 1965
  - ii. Akta Hakmilik Strata (AHS) 1985
  - iii. Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Disemak 1991)
  - iv. Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960
  - vi. Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959
  - vii. Peraturan ukur 1976
  - viii. Pekeliling-Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
- 3.2 Calon juga diperlukan untuk mengetahui aplikasi disiplin ukur secara am dalam bidang-bidang ukur topografi, ukur kejuruteraan, geodasi dan sebagainya

#### **4. TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CINTAILAH BAHASA KITA"**



**( HAMID BIN ALI, KMN, PMC, PJC )**

Pengerusi  
Lembaga Juruukur Tanah  
Semenanjung Malaysia